

- III Keuntungan syarikat itu yang *singkat* menyebabkan pengarah urusannya tidak berpuas hati.
- IV Hubungan persahabatan mereka menjadi *singkat* semenjak mereka berbaik-baik bulan lepas.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
11. I Leftenan Zul memberi isyarat kepada anak buahnya untuk *menyerah* musuh.
II Wanita yang dikehendaki polis atas kesalahan menculik itu akhirnya *menyerah* diri.
III Janganlah lekas *menyerah* nasib kepada takdir apabila menghadapi masalah.
IV Akhirnya Fakrul *menyerah* kepada kemahuan ayahnya.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 12 hingga 13

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

12. Apa yang diperkatakan oleh Samad itu tidak benar.
- A Apa-apa yang Samad perkatakan
B Apa-apa yang diperkatakan oleh Samad
C Apa yang Samad perkatakan
D Apa yang diperkatakan oleh Samad
13. Suasana di kebanyakan pasar raya menjelang hari perayaan sangat riuh-rendah dengan suara pengunjung.
- A sangat riuh
B sangat rendah
C tersangat riuh-rendah
D sangat riuh-rendah

Soalan 14

Pilih ayat-ayat yang betul.

14. I Ibu membuat ayah secawan kopi.
II Ayah membeli adik sebuah buku cerita.
III Kari ikan itu kauhidangkan kepada tetamu kita.
IV Penduduk kampung mendirikan rumah itu secara gotong-royong.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 15

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

15. Larangan memburu beberapa jenis haiwan liar adalah untuk memastikan haiwan tersebut tidak mengalami kepupusan.
- A Beberapa jenis haiwan liar tidak boleh diburu supaya haiwan tersebut tidak mengalami kepupusan.
B Beberapa jenis haiwan liar yang dilarang untuk diburu telah mengalami kepupusan.
C Beberapa jenis haiwan liar tidak dibenarkan untuk diburu kerana haiwan tersebut sedang mengalami kepupusan.
D Untuk memastikan beberapa jenis haiwan liar tidak mengalami kepupusan, pemburu diingatkan supaya tidak berburu.

Soalan 16

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

16. Sikap tergesa-gesa pasti mengundang malapetaka jika tidak berhati-hati ketika berada di jalan raya. Situasi ini sesuai dengan peribahasa yang berikut:
- A Bagai gembala diberi keris
B Bagai duri dalam daging
C Biar lambat asal selamat
D Biar titik jangan tumpah